

PRESS – ONLINE

Publication	Hmetro.com.my	Day/Date	Sat, 11 May 2024
Section	Mutakhir	Pageviews	11,600,000
Headline	Pameran aset tentera labuh tirai		
URL	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1089124/pameran-aset-tentera-labuh-tirai		



Pameran aset tentera labuh tirai



Kuala Lumpur: Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024 melabuhkan tirai selepas berlangsung dengan jayanya bermula Isnin lalu.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, edisi kali ke-18 DSA tahun ini terbukti lebih baik dari tahun sebelumnya khususnya dengan sokongan padu semua pemain industri dan pihak penganjur.

Beliau mengharapkan DSA akan datang yang dirancang pada 20 hingga 23 April 2026 bakal menjadi satu acara yang lebih hebat daripada edisi tahun ini.

"Di saat kita mengucapkan selamat tinggal pada DSA dan NATSEC Asia 2024, jangan kita melihat saat ini sebagai penghujung sebaliknya ia satu permulaan baharu.


"Justeru, saya berbesar hati mengumumkan bahawa persiapan bagi DSA 2026 sudahpun berjalan serta dijangka akan diadakan di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC)," katanya pada Majlis Penutup DSA dan NATSEC Asia 2024.



Acara dwitahunan itu disertai 1,324 syarikat pempamer antarabangsa daripada 60 negara.

Mohamed Khaled berkata, acara sepanjang empat hari itu menyaksikan 40 dokumen bernilai RM 7.3 bilion dimeterai membabitkan antaranya 17 surat setuju terima (LOA) bernilai RM 3.30 bilion dan tujuh kontrak ditanda tangan bernilai RM1.9 bilion.

Katanya, ia juga membabitkan empat surat niat (LOI) bernilai RM1.83 bilion dan 10 memorandum persefahaman (MoU) berjumlah RM 280 juta.



"Pada masa sama, Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menerima 10 kunjungan hormat dan penglibatan bilateral di peringkat Menteri Pertahanan dari pelbagai negara.

"Selain itu, MINDEF juga menerima lima kunjungan hormat di peringkat Timbalan Menteri Pertahanan, sebelas kunjungan hormat peringkat Ketua Setiausaha dan pengurusan tertinggi serta 70 kunjungan hormat di peringkat panglima-panglima perkhidmatan ATM," katanya.